



HF Markets (SV) Ltd

Address:

Suite 305, Griffith Corporate Centre
P.O. Box 1510, Beachmont
Kingstown
St. Vincent and the Grenadines

T: +44 - 2033185978

F: +44 - 2033188569

E: support@hotforex.com

W: www.hotforex.com

HF MARKETS (SV) LTD

TERMA DAN SYARAT PERADUAN CABUTAN BERTUAH

(MALAYSIA)

Terma dan Syarat Cabutan Bertuah

Peraduan Cabutan bertuah ini ditawarkan oleh HF Markets (SV) Ltd (“syarikat”) untuk semua pelanggan yang tinggal di Malaysia di bawah terma dan syarat seperti yang ditetapkan.

1. Pengenalan

- 1.1. Cabutan Bertuah ini terbuka untuk pelanggan syarikat yang memenuhi kriteria untuk cabutan ini seperti yang tertulis di perkara 3 terma & syarat cabutan bertuah.
- 2.1. Pelanggan dengan ini memperakui, menerima dan memahami syarat secara undang-undang berkenaan terma dan dan/atau perkara lain yang terikat di dalam perjanjian di antara pelanggan dan syarikat.

2. Tempoh Aktif Cabutan Bertuah

- 2.1. Tempoh peraduan cabutan bertuah adalah bermula dari 18 September 2017 sehingga 15 Disember 2017.

3. Terma dan Syarat

- 3.1. Syarikat menawarkan para pelanggan untuk memenangi 1 daripada 3 hadiah yang ditawarkan seperti tertera di perkara 3.7 di bawah.
- 3.2. Untuk menyertai peraduan ini, pelanggan mesti membuka akaun myHotForex dengan syarikat dan mempersetujui terma dan syarat membuka akaun, pelanggan mesti berumur minimum 18 tahun atau tarikh minimum yang ditetapkan di Malaysia dan tidak tertakluk kepada status “kanak-kanak” atau “juvana” di Malaysia.
- 3.3. Untuk menyertai peraduan ini, pelanggan perlu mendaftar melalui laman khas pendaftaran “Peraduan Cabutan Bertuah HotForex” yang terdapat di dalam laman myHotForex pelanggan.
- 3.4. Selepas mendaftar untuk menyertai peraduan ini, pelanggan disyaratkan untuk membuat deposit minima (satu kali) sebanyak USD500 di dalam tempoh aktif peraduan DAN

HF Markets (SV) Ltd
Terma dan Syarat Cabutan Bertuah

berdagang sekurang-kurangnya 5 Lot (pusingan penuh) dengan dana yang telah dideposit dan tidak termasuk sebarang amaun bonus yang ditambah di dalam akaun myHotForex pelanggan. Pelanggan yang memenuhi syarat ini dapat menyertai peraduan cabutan bertuah ini.

3.5. Pelanggan harus sedia maklum bahawa pelanggan tidak layak untuk menyertai peraduan cabutan bertuah ini dengan hanya mendaftarkan diri sahaja. Pelanggan disyaratkan memenuhi semua terma dan syarat yang telah ditetapkan untuk layak menyertai peraduan ini.

3.6. Hadiah untuk pemenang cabutan bertuah adalah seperti berikut:

- **Hadiah Pertama:** Tiket penerbangan percuma ke Cyprus, penginapan 3 malam di hotel, kenderaan dari/ke lapangan terbang, lawatan ke pejabat HotForex, sesi latihan dagangan Forex (persendirian) dengan salah seorang penganalisa pasaran syarikat;
- **Hadiah Kedua:** Kamera aksi;
- **Hadiah ketiga:** Headphone tanpa wayar;

3.7. Pemenang akan diumumkan pada 22 Disember 2017.

3.8. Pemenang akan dimaklumkan melalui telefon atau alamat email seperti yang diberikan di dalam maklumat pelanggan ketika proses pembukaan akaun.

3.9. Jika pemenang tidak memberi maklum balas kepada syarikat di dalam tempoh empat belas (14) hari bekerja dari tarikh pengumuman, pihak syarikat akan menganggap bahawa pelanggan melepaskan hadiah kemenangan mereka.

4. Penamatan, Semakan Dan Pindaan

4.1. Sekiranya syarikat mengesyaki atau mempunyai sebab untuk percaya bahawa pelanggan telah menyalahguna dan/atau memanipulasi terma dan syarat peraduan ini dengan "hedging" posisi dagangan pelanggan secara dalaman (menggunakan akaun dagangan lain yang dibuka dengan syarikat) atau secara luaran (menggunakan akaun dagangan lain yang

dibuka dengan broker lain) dan/atau bertindak dengan niat tidak baik, pihak syarikat berhak bertindak diatas budi bicara pihak syarikat dan tanpa memerlukan kebenaran pelanggan, untuk membekukan hadiah dan/atau mengeluarkan pelanggan daripada peraduan ini.

- 4.2. Pihak syarikat mempunyai hak, di bawah budi bicara syarikat untuk menyemak, membuat perubahan atau menamatkan peraduan ini atau sebarang terma dan syarat yang ditetapkan pada bila-bila masa tanpa memerlukan persetujuan pelanggan.

5. Perakuan

- 5.1. Pelanggan dengan ini memperakui bahawa dengan menerima hadiah kemenangan, pelanggan mempersutujui untuk membenarkan foto pelanggan dan nama pelanggan digunakan untuk kegunaan pemasaran dan sebarang kerja promosi di lama web syarikat (akan diperincikan dan dijalankan dengan hak mutlak syarikat).
- 5.2. Dengan menyertai peraduan ini, pelanggan membenarkan syarikat untuk memaklumkan keputusan awal dan nama pelanggan di laman web syarikat untuk kegunaan rutin.
- 5.3. Dengan mendaftarkan diri dan menyertai peraduan ini, pelanggan mengakui bahawa pelanggan telah membaca, memahami, dan bersetuju dengan terma dan syarat yang telah ditetapkan dan sebarang terma dan syarat tambahan yang mungkin ditambah oleh syarikat.
- 5.4. Pemenang tedahulu di dalam peraduan yang dianjurkan oleh syarikat dan/atau pelanggan yang berhubung kait secara langsung dengan pemenang terdahulu turut tidak layak untuk memenangi hadiah peraduan dan/atau sebarang peraduan yang dinajurkan oleh syarikat pada masa hadapan.
- 5.5. Pelanggan memperakui bahawa produk Forex dan CFDs adalah produk ber“leverage” yang melibatkan risiko yang tinggi. Ketika berdagang produk ini, pelanggan terdedah kepada kemungkinan untuk mengalami kerugian keseluruhan dana perlaburan mereka. Produk ini

HF Markets (SV) Ltd
Terma dan Syarat Cabutan Bertuah

tidak sesuai untuk semua orang dan pelanggan harus sedar dan maklum mengenai risiko yang terlibat. Pelanggan harus mendapatkan nasihat dari pihak bebas sekiranya diperlukan.

- 5.6. Terma dan syarat ini ditulis di bahasa asal iaitu di dalam bahasa Inggeris. Terjemahan dalam bahasa Malaysia ini disediakan untuk kemudahan pelanggan sahaja. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan atau ketidak-seragaman di antara teks asal (bahasa inggeris) dan terjemahan di dalam bahasa Malaysia, ia harus dirujuk kembali ke versi asal Bahasa Inggeris.

6. Pertikaian

- 6.1. Sebarang pertikaian atau situasi yang tidak termaktub di dalam terma dan syarat ini akan diselesaikan oleh syarikat mengikut tatacara polisi pengendalian aduan yang terdapat di dalam laman web syarikat.

Versi: 2017/001